



23 OCT, 2022

## MAFI pastikan sekuriti makanan negara terjamin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

## MAFI pastikan sekuriti makanan negara terjamin

**TELUPID:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan sekuriti makanan Malaysia sentiasa terjamin di samping meningkatkan ekonomi rakyat serta negara.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, bagi memastikan ia dilaksanakan secara inklusif, Program Semarak Tani Keluarga Malaysia (STKM) dirangka bertujuan memperkasa komuniti agromakanan luar bandar.

Selain itu katanya, ia dapat menyampaikan maklumat berkenaan pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

"Program ini dapat memberi semangat kepada petani luar bandar untuk meningkatkan pengeluaran bekalan makanan negara dan ekonomi mereka.

"Usaha MAFI ini juga adalah bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas langsung daripada komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar-dasar serta pendekatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian program STKM yang dilaksanakan di daerah ini, semalam. Katanya, sehingga Sep-



**KERJASAMA:** Ronald (tengah) menyaksikan Majlis Penyerahan Perjanjian diantara Usahawan dan FAMA untuk eksport Pisang Sabah.

tember lalu, MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.564 bilion dan membangunkan 2,250 outlet melibatkan seramai 55,572 usahawan di seluruh negara.

"Antaranya program pengukuhan rangkaian peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak yang melibatkan projek menaik taraf Pasar Tamu.

"Sebanyak 10 lokasi Pasar Tamu dinaik taraf iaitu lapan daripadanya sudah beroperasi, manakala dua lagi di Tuaran, Sabah dan Sebuyau,

Sarawak masih peringkat pembinaan," katanya.

Menurutnya, FAMA sudah mengenal pasti tapak Pasar Tamu Tuaran di Sabah sebagai lokasi untuk dinaik taraf pada tahun ini dan sudah mendapat persetujuan daripada Majlis Daerah Tuaran.

Ronald berkata, FAMA komited membangunkan rangkaian pemasaran pertanian di sini melalui penubuhan Pasar Tamu Telupid serta membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang dan Gerai Buah-Buahan Segar.

"Ia akan memberi manfaat kepada penduduk di daerah ini, sekali gus mem-

bangunkan sektor pertanian Telupid supaya rangkaian pemasaran pertanian di negeri Sabah terus diperkasa," katanya.

Terdahulu, Ronald menyampaikan bantuan Kit MAFI Prihatin kepada 500 penerima dan menyerahkan peralatan usahawan Ladang Kontrak serta bantuan peralatan daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Beliau turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) diantara usahawan dan FAMA bagi pemasaran buah pamelos serta MoU antara pengeksport serta FAMA bagi pemasaran pisang.



23 OCT, 2022

## MAFI pastikan sekuriti makanan negara terjamin

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

TELUPID: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan sekuriti makanan Malaysia sentiasa terjamin di samping meningkatkan ekonomi rakyat serta negara. Menteriya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, bagi memastikan ia dilaksanakan secara inklusif, Program Semarak Tani Keluarga Malaysia (STKM) dirangka bertujuan memperkasakan komuniti agromakanan luar bandar. Selain itu katanya, ia dapat menyampaikan maklumat berkenaan pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.